



DAING NASIR IBRAHIM menyampaikan amanat kepada kakitangan dan pelajar UMP dalam **Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2018** di Kompleks Sukan UMP, Gambang, Pahang, semalam. - **UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN**

UMP tumpu Inovasi Nilai 4.0

UTUSAN MALAYSIA (CTIMUP) 15 MAC 2018 (CUHANIS) N/S-2C

KUANTAN 14 Mac - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan memberi fokus kepada Inovasi Nilai 4.0 yang mana kesannya bukan sahaja kepada organisasi malah membawa manfaat kepada orang lain secara keseluruhan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, bagi mencapai hasrat tersebut, universiti itu akan terus memperkasakan bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan serta teknologi dengan lebih kreatif dan inovatif.

"UMP harus menawarkan pembelajaran dan penyelidikan terhadap penyelesaian masalah dalam industri dan meneroka peluang-peluang baharu. Ini termasuk segmen dan pendakatan yang baharu.

"Universiti perlu mencipta perkara baharu dan inovasi yang mempunyai nilai tinggi. Kita jurutera kita perlu reka," katanya kepada pemberita selepas Majlis Amanat Naib Canselor UMP 2018 bertemakan *Inovasi Nilai 4.0: UMP di Lautan Biru* di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini hari ini.

Majlis berkenaan dihadiri lebih 5,000 warga institusi pengajian tinggi tersebut.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) universiti itu, Prof. Datuk Dr. Mashitah Yusoff; Timbalan Naib Canselor (Adademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid.

Daing Nasir berkata, UMP akan memastikan pembentukan kurikulum akademik lebih inovatif dengan disokong oleh staf yang kompeten dan profesional serta menjadikan infrastruktur



Selain itu UMP akan terus menjana kegemilangan menerusi Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran dan Keunggulan Jenama."

DAING NASIR IBRAHIM Naib Canselor UMP

akademik lebih efisien berorientasikan keperluan masyarakat.

"Selain itu UMP akan terus menjana kegemilangan menerusi Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran dan Keunggulan Jenama," ujarnya.

Beliau berharap warga universiti itu terus berusaha mencipta kecemerlangan pada masa depan selari dengan slogan UMP iaitu *Memasyarakatkan Teknologi*.

"Fokus yang perlu diberikan adalah dalam melonjakkan keberhasilan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi. Ia bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang dapat dimanfaatkan kepada masyarakat di negara ini," katanya.